# Dana BNM untuk PKS
## Terma & Syarat

Versi Disember 2023

| Dana BNM untuk PKS – di bawah Kemudahan untuk Semua Sektor Ekonomi (AES) | |
|---|---|
| **Objektif** | Meningkatkan akses PKS kepada pembiayaan dalam semua sektor ekonomi, khususnya PKS yang kurang mendapat perkhidmatan, pada kos yang berpatutan |
| **Peruntukan** | RM5.5 bilion |
| **Kelayakan** | • Mesti merupakan PKS mengikut definisi Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK)<br>• Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), pihak berkuasa/pejabat daerah di Sabah & Sarawak atau badan berkanun sebagai penyedia perkhidmatan profesional<br>• Pegangan Saham oleh Syarikat Tersenarai Awam dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (jika ada) dalam PKS tidak melebihi 20%<br>• Warganegara Malaysia bermastautin di Malaysia dengan pegangan saham sekurang-kurangnya 51% di dalam PKS tersebut |
| **Tujuan pembiayaan** | • Perbelanjaan Modal (contohnya, pembelian mesin dan peralatan atau kos pengubahsuaian untuk premis perniagaan yang diduduki pemilik); atau<br>• Modal Kerja<br><br>Pembiayaan tidak boleh digunakan untuk aktiviti berikut:<br>• Pembelian saham<br>• Pembiayaan semula kemudahan kredit/pembiayaan sedia ada<br>• Pembelian tanah/pelaburan harta tanah<br>• Pembangunan harta tanah<br>• Pelaburan oleh syarikat pemegang pelaburan<br>• Aktiviti di mana stok dagangan adalah wang (termasuk syarikat kredit, pemajakan, pemfaktoran dan insurans)<br>• Aktiviti perjudian, alkohol, tembakau atau jenis aktiviti dan produk lain yang serupa<br>• Aktiviti perniagaan yang tidak patuhi Syariah (digunakan untuk Pembiayaan Islam) |
| **Kadar Pembiayaan Maksimum (mengikut penarafan profil risiko BNM)** | Sehingga 7.0% setahun |
| **Kadar Pembiayaan BNM** | 0.5% setahun<br><br>*Nota: Sehingga 31 Disember 2024.* |
| **Perlindungan Jaminan** | Perlindungan jaminan antara 70% – 80% |
| **Yuran Jaminan** | Bahagian Bercagar:- Antara 0.50% dan 1.85% setahun.<br>Bahagian Tidak Bercagar:- Antara 0.80% dan 2.15% setahun. |
| **Tempoh Pembiayaan Maksimum** | Tidak melebihi 5 tahun dari tarikh pengeluaran pertama |
| **Had Pembiayaan** | Jumlah agregat maksimum pembiayaan di bawah Dana dihadkan kepada RM5 juta setiap PKS, termasuk pembiayaan:<br>• diluluskan di bawah mana-mana Dana BNM (tidak termasuk sebarang bantuan khas ditubuhkan oleh BNM untuk membantu PKS yang terjejas akibat bencana); dan<br>• kepada mana-mana syarikat berkaitan PKS dengan pemegang saham sama, melainkan syarikat berkaitan PKS tersebut mempunyai tenaga kerja yang berlainan. Dalam kes sedemikian, setiap PKS mempunyai had pembiayaan sebanyak RM5 juta masing-masing. |

*Melainkan dinyatakan sebaliknya di sini, caj kami tidak termasuk sebarang cukai semasa dan cukai masa hadapan yang mungkin dikenakan (termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan ("GST")), di bawah undang-undang yang berkaitan. Pada tarikh kuat kuasa pelaksanaan mana-mana cukai sedemikian pada masa hadapan dan di mana berkenaan, kami berhak mendapatkan semula cukai tersebut daripada anda.*

| Kemudahan Automasi & Digital PKS (ADF) | |
|---|---|
| **Objektif** | Menggalakkan PKS mengautomasikan proses dan mendigitalkan operasi bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan |
| **Peruntukan** | RM1.5 bilion |
| **Kelayakan** | • Mesti merupakan PKS mengikut definisi Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK)<br>• Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), pihak berkuasa/pejabat daerah di Sabah & Sarawak atau badan berkanun sebagai penyedia perkhidmatan profesional<br>• Pegangan Saham oleh Syarikat Tersenarai Awam dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (jika ada) dalam PKS tidak melebihi 20%<br>• Warganegara Malaysia bermastautin di Malaysia dengan pegangan saham sekurang-kurangnya 51% di dalam PKS tersebut |
| **Tujuan pembiayaan** | • Pembelian peralatan, mesin, perkakasan dan perisian komputer, penyelesaian dan perkhidmatan IT, perkhidmatan sokongan teknologi, dan aset tidak ketara lain untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan<br><br>Pembiayaan tidak boleh digunakan untuk aktiviti berikut:<br>• Pembelian saham<br>• Pembiayaan semula kemudahan kredit/pembiayaan sedia ada<br>• Pembelian tanah/pelaburan harta tanah<br>• Pembangunan harta tanah<br>• Pelaburan oleh syarikat pemegang pelaburan<br>• Aktiviti di mana stok dagangan adalah wang (termasuk syarikat kredit, pemajakan, pemfaktoran dan insurans)<br>• Aktiviti perjudian, alkohol, tembakau atau jenis aktiviti dan produk lain yang serupa<br>• Aktiviti perniagaan tidak patuh Syariah (digunakan untuk Pembiayaan Islam sahaja) |
| **Kadar Pembiayaan Maksimum** | • Kadar pembiayaan berkesan sebanyak 4.0% setahun, termasuk yuran jaminan, jika ada<br>• Untuk pembiayaan Islam, kadar keuntungan bagi kontrak Islam adalah sehingga 4.0% setahun, termasuk yuran jaminan, jika ada |
| **Kadar Pembiayaan BNM** | 0% setahun |
| **Perlindungan Jaminan** | Perlindungan jaminan boleh didapati daripada Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) |
| **Jenis Pembiayaan** | Pinjaman Berjangka sahaja |
| **Tempoh Pembiayaan Maksimum** | Sehingga 10 tahun dari tarikh pengeluaran pertama |
| **Had Pembiayaan Maksimum** | • RM3 juta bagi setiap PKS, termasuk pembiayaan kepada syarikat berkaitan yang mempunyai pemegang saham sama)<br>• PKS berkaitan dengan pemegang saham sama dibenarkan mempunyai had berasingan ke atas jumlah pembiayaan maksimum di bawah Dana BNM untuk PKS, tertakluk kepada setiap PKS mempunyai tenaga kerja yang berasingan<br>• Jumlah pembiayaan agregat maksimum sebanyak RM5 juta bagi setiap PKS di bawah Dana BNM untuk PKS tidak boleh digunakan untuk Kemudahan ini |
| **Ketersediaan** | Sehingga Penggunaan Sepenuhnya |

*Melainkan dinyatakan sebaliknya di sini, caj kami tidak termasuk sebarang cukai semasa dan cukai masa hadapan yang mungkin dikenakan (termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan ("GST")), di bawah undang-undang yang berkaitan. Pada tarikh kuat kuasa pelaksanaan mana-mana cukai sedemikian pada masa hadapan dan di mana berkenaan, kami berhak mendapatkan semula cukai tersebut daripada anda.*

| Kemudahan Agromakanan (AF) | |
|---|---|
| **Objektif** | Meningkatkan pengeluaran agromakanan di Malaysia dan untuk eksport dengan menyediakan pembiayaan pada kadar yang berpatutan |
| **Peruntukan** | RM2.5 bilion |
| **Kelayakan** | • Mesti merupakan PKS mengikut definisi Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK)<br>• Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), pihak berkuasa/pejabat daerah di Sabah dan Sarawak atau badan berkanun sebagai penyedia perkhidmatan profesional<br>• Pegangan Saham oleh Syarikat Tersenarai Awam dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (jika ada) dalam PKS tidak melebihi 20%<br>• Warganegara Malaysia bermastautin di Malaysia dengan pegangan saham sekurang-kurangnya 51% di dalam dalam PKS tersebut |
| **Tujuan pembiayaan** | • Perbelanjaan modal<br>• Modal kerja<br>• Pembangunan projek agromakanan<br><br>Aktiviti agromakanan yang layak untuk dibiayai di bawah Kemudahan perlu memenuhi semua kriteria berikut:<br>• Projek berdaya maju yang melibatkan pengeluaran agromakanan utama (huluan), pemprosesan/pengilangan agromakanan, atau aktiviti hiliran agromakanan lain; dan<br>• Menyokong pengeluaran agromakanan utama domestik; dan<br>a) Untuk pembuatan agromakanan, sekurang-kurangnya separuh daripada input utama diperoleh dalam negara; atau<br>b) Untuk perkhidmatan berkaitan agromakanan lain, sekurang-kurangnya separuh daripada aktiviti tersebut menyokong pengeluaran agromakanan domestik<br>• Berasaskan domestik, di mana sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah pengeluaran dijual di pasaran domestik<br><br>Pembiayaan tidak boleh digunakan untuk aktiviti berikut:<br>• Pembelian saham<br>• Pembiayaan semula kemudahan kredit/pembiayaan sedia ada<br>• Pembelian tanah bukan untuk tujuan agromakanan<br>• Pembangunan harta tanah<br>• Pelaburan oleh syarikat pemegang pelaburan<br>• Aktiviti di mana stok dagangan adalah wang (termasuk perniagaan kredit, pemajakan, pemfaktoran dan insurans)<br>• Aktiviti perjudian, alkohol, tembakau atau jenis aktiviti dan produk lain yang serupa<br>• Aktiviti tidak patuh Syariah (digunakan untuk pembiayaan Islam sahaja) |
| **Kadar Pembiayaan Maksimum** | • Kadar pembiayaan berkesan sebanyak 3.75% setahun, termasuk yuran jaminan, jika ada<br>• Bagi pembiayaan Islam, kadar keuntungan bagi kontrak Islam adalah sehingga 3.75% setahun, termasuk yuran jaminan, jika ada |
| **Kadar Pembiayaan BNM** | 0.25% setahun<br><br>*Nota: Sehingga 31 Disember 2024.* |
| **Perlindungan Jaminan** | Perlindungan jaminan boleh didapati daripada Credit Guarantee Corporation (CGC) atau Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) |
| **Tempoh Pembiayaan Maksimum** | Sehingga 8 tahun dari tarikh pengeluaran pertama |
| **Had Pembiayaan Maksimum** | • RM5 juta bagi setiap PKS, termasuk pembiayaan kepada syarikat berkaitan yang mempunyai pemegang saham sama)<br>• PKS berkaitan dengan pemegang saham sama dibenarkan mempunyai had berasingan ke atas jumlah pembiayaan maksimum di bawah Dana BNM untuk PKS, tertakluk kepada setiap PKS mempunyai tenaga kerja yang berasingan |

*Melainkan dinyatakan sebaliknya di sini, caj kami tidak termasuk sebarang cukai semasa dan cukai masa hadapan yang mungkin dikenakan (termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan ("GST")), di bawah undang-undang yang berkaitan. Pada tarikh kuat kuasa pelaksanaan mana-mana cukai sedemikian pada masa hadapan dan di mana berkenaan, kami berhak mendapatkan semula cukai tersebut daripada anda.*

| Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PTF) | |
|---|---|
| **Objektif** | Membantu PKS yang berdaya maju dalam sektor pelancongan mengekalkan keupayaan dan membuat penyesuaian serta terus berdaya maju selepas COVID-19 |
| **Peruntukan** | RM600 juta |
| **Kelayakan** | • PKS Malaysia dalam sektor pelancongan teras dan berkaitan pelancongan yang merupakan sama ada:<br>i) PKS mengikut definisi Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK); ATAU<br>ii) Dilesenkan oleh / berdaftar dengan MOTAC<br>• Sektor yang layak adalah seperti berikut:<br>i) **Pelancongan teras:** Premis penginapan pelancongan (contohnya hotel bajet, inap desa (*homestay*) yang berdaftar dengan MOTAC, chalet dan rumah peranginan), agensi pelancongan, pengusaha pelancongan, pengangkutan untuk pelancong (contohnya pengusaha bas, bot dan kereta sewa); dan<br>ii) **Berkaitan pelancongan:** Pelancongan perubatan, ekosistem MICE (Mesyuarat, Insentif, Persidangan, Pameran), pengendali perkhidmatan wang, serta perniagaan runcit, rekreasi dan kesejahteraan berkaitan pelancongan.<br>• Penerima Kemudahan Bantuan Khas (SRF) dan/atau Pembiayaan PKS PENJANA (PSF) layak untuk memohon PTF. |
| **Tujuan Pembiayaan** | • Perbelanjaan modal; dan/atau<br>• Modal kerja; dan/atau<br>• Pembiayaan semula sehingga 50% daripada jumlah pembiayaan yang diluluskan<br>*Nota:* 50% daripada pembiayaan yang diluluskan boleh digunakan untuk membiayai semula pembiayaan perniagaan sedia ada daripada institusi kewangan dan sumber lain termasuk syarikat kredit/pemajakan (pembiayaan perniagaan sedia ada tidak termasuk pembiayaan yang diperoleh di bawah Dana BNM untuk PKS)<br><br>Pembiayaan tidak boleh digunakan untuk aktiviti berikut:<br>• Pembelian saham<br>• Pembelian tanah bukan untuk tujuan agromakanan<br>• Pembangunan harta tanah<br>• Pelaburan oleh syarikat pemegang pelaburan<br>• Aktiviti di mana stok dagangan adalah wang (termasuk syarikat kredit, pemajakan, pemfaktoran dan insurans)<br>• Aktiviti perjudian, alkohol, tembakau atau jenis aktiviti dan produk lain yang serupa<br>• Aktiviti perniagaan tidak patuh Syariah (digunakan untuk Pembiayaan Islam sahaja) |
| **Kadar Pembiayaan Maksimum** | • Kadar pembiayaan berkesan sebanyak 3.5% setahun, termasuk yuran jaminan, jika ada<br>• Untuk pembiayaan Islam, kadar keuntungan bagi kontrak Islam adalah sehingga 3.5% setahun, termasuk yuran jaminan, jika ada |
| **Kadar Pembiayaan BNM** | 0% setahun |
| **Perlindungan Jaminan** | Perlindungan jaminan boleh didapati daripada Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) |
| **Tempoh Pembiayaan Maksimum** | Sehingga 7 tahun dari tarikh pengeluaran pertama (termasuk moratorium 6 bulan pada ansuran bulanan).<br><br>Sebagai tambahan kepada penangguhan pembayaran balik 6 bulan yang sedia ada, kemudahan ini juga menyediakan pilihan kepada PKS untuk membuat pembayaran faedah/keuntungan sahaja bagi tempoh tambahan selama 12 bulan. |
| **Had Pembiayaan Maksimum** | • PKS: Sehingga RM500k (Min RM50k)<br>• Perusahaan Mikro: Sehingga RM75k (Min RM10k)<br><br>Nota: Perkara di atas untuk syarikat bersekutu PKS dengan pemegang saham sama, yang memegang saham >20% |
| **Ketersediaan** | Sehingga Penggunaan Sepenuhnya |

*Melainkan dinyatakan sebaliknya di sini, caj kami tidak termasuk sebarang cukai semasa dan cukai masa hadapan yang mungkin dikenakan (termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan ("GST")), di bawah undang-undang yang berkaitan. Pada tarikh kuat kuasa pelaksanaan mana-mana cukai sedemikian pada masa hadapan dan di mana berkenaan, kami berhak mendapatkan semula cukai tersebut daripada anda.*

## Kemudahan Teknologi Tinggi & Hijau (HTG)

**Objektif**

Membantu PKS berteknologi tinggi dan dipacu inovasi serta selaras dengan matlamat pembangunan jangka panjang strategik yang terdapat dalam Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA). Ini penting untuk mengukuhkan kedudukan daya saing Malaysia dalam rantaian nilai global, mengekalkan ekosistem rantaian bekalan dan melindungi pekerjaan berkemahiran tinggi.

**Peruntukan**

RM1.1 bilion

**Kelayakan**

- Mesti merupakan PKS mengikut definisi Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK)
- Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), pihak berkuasa/pejabat daerah di Sabah dan Sarawak atau badan berkanun sebagai penyedia perkhidmatan profesional
- Pegangan Saham oleh Syarikat Tersenarai Awam dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (jika ada) dalam PKS tidak melebihi 20%
- Warganegara Malaysia bermastautin di Malaysia dengan pegangan saham sekurang-kurangnya 51% di dalam dalam PKS tersebut
- PKS Malaysia berdaya maju yang:
  - Dalam subsektor pembuatan dan perkhidmatan yang paling sejajar dengan matlamat pembangunan strategik jangka panjang untuk Malaysia di bawah skor Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA)[1]:
    - i) Elektrik dan Elektronik (E&E)
    - ii) Kimia
    - iii) Petroleum ditapis
    - iv) Jentera & Peralatan
    - v) Peranti perubatan dan Farmaseutikal
    - vi) Peralatan Automotif dan Pengangkutan (termasuk Aeroangkasa; pengilang kenderaan bermotor dan alat ganti)
    - vii) ICT
    - viii) Perkhidmatan R&D
    - ix) Mana-mana industri/subsektor berteknologi tinggi lain yang dianggap layak oleh BNM
  - Perniagaan (termasuk syarikat permulaan yang bersedia secara komersial) yang terlibat dalam menyediakan penyelesaian teknologi di bawah tiga segmen utama – Teknologi Hijau, Teknologi Digital dan Revolusi Perindustrian Ke-4, dan Bioteknologi.
  - PKS dan syarikat pemula yang terlibat dalam program Kerajaan yang disenaraikan (Program yang dianggap layak oleh BNM akan dikemas kini secara berkala di http://www.bnm.gov.my/funds4sme)

[1] Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) merujuk objektif pembangunan strategik yang menyeluruh untuk meningkatkan kompleksiti ekonomi, mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi, memperluas hubungan industri dalam negeri dan mengembangkan kluster baharu dan sedia ada.

**Tujuan Pembiayaan**

- Modal kerja; dan/atau
- Perbelanjaan modal

Pembiayaan tidak boleh digunakan untuk aktiviti berikut:

- Pembelian saham
- Pembiayaan semula kemudahan kredit/pembiayaan sedia ada
- Pembelian tanah bukan untuk tujuan agromakanan
- Pembangunan harta tanah
- Pelaburan oleh syarikat pemegang pelaburan
- Aktiviti di mana stok dagangan adalah wang (termasuk syarikat kredit, pemajakan, pemfaktoran dan insurans)
- Aktiviti perjudian, alkohol, tembakau atau jenis aktiviti dan produk lain yang serupa
- Aktiviti perniagaan tidak patuh Syariah (digunakan untuk Pembiayaan Islam sahaja)

**Kadar Pembiayaan Maksimum**

- Sehingga 3.5% setahun, untuk pembiayaan tanpa jaminan; atau
- Sehingga 5.0% setahun, termasuk yuran jaminan

**Kadar Pembiayaan BNM**

0% setahun

**Perlindungan Jaminan**

Perlindungan jaminan boleh didapati daripada Credit Guarantee Corporation (CGC) atau Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP)

**Tempoh Pembiayaan**

Sehingga 10 tahun

**Had Pembiayaan**

Sehingga RM10 juta

**Ketersediaan**

Sehingga Penggunaan Sepenuhnya

*Melainkan dinyatakan sebaliknya di sini, caj kami tidak termasuk sebarang cukai semasa dan cukai masa hadapan yang mungkin dikenakan (termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan ("GST")), di bawah undang-undang yang berkaitan. Pada tarikh kuat kuasa pelaksanaan mana-mana cukai sedemikian pada masa hadapan dan di mana berkenaan, kami berhak mendapatkan semula cukai tersebut daripada anda.*

| Kemudahan Bantuan Bencana (DRF) 2022 | |
|---|---|
| **Objektif** | Membantu meringankan beban kewangan PKS yang terjejas akibat banjir serta membolehkan mereka meneruskan operasi perniagaan |
| **Peruntukan** | RM500 juta |
| **Kelayakan** | • Perusahaan Mikro dan PKS yang terjejas akibat banjir, yang terletak di daerah yang dikenal pasti oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara* sebagai kawasan bencana banjir dan di mana aset PKS (contohnya, inventori, peralatan dan premis perniagaan) telah rosak akibat bencana tersebut.<br>• Perusahaan Mikro dan PKS mengikut definisi Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK)<br>• Warganegara Malaysia bermastautin di Malaysia dengan pegangan saham sekurang-kurangnya 51% di dalam dalam Perusahaan Mikro/PKS tersebut |
| **Tujuan pembiayaan** | • Pembaikan dan/atau penggantian aset untuk kegunaan perniagaan (contohnya loji dan mesin) yang telah rosak akibat bencana alam; dan/atau<br>• Modal kerja<br><br>Pembiayaan tidak boleh digunakan untuk aktiviti berikut:<br>• Pembelian saham<br>• Pembiayaan semula kemudahan kredit/pembiayaan sedia ada<br>• Pembelian tanah bukan untuk tujuan agromakanan<br>• Pembangunan harta tanah<br>• Pelaburan oleh syarikat pemegang pelaburan<br>• Aktiviti di mana stok dagangan adalah wang (termasuk syarikat kredit, pemajakan, pemfaktoran dan insurans)<br>• Aktiviti perjudian, alkohol, tembakau atau jenis aktiviti dan produk lain yang serupa<br>• Aktiviti perniagaan tidak patuh Syariah (digunakan untuk Pembiayaan Islam sahaja) |
| **Kadar Pembiayaan Maksimum** | • Sehingga 3.5% setahun (termasuk yuran jaminan) |
| **Kadar Pembiayaan BNM** | 0% setahun |
| **Perlindungan Jaminan** | • Perlindungan jaminan 80% pada yuran jaminan 0.5% setahun<br>• Jaminan boleh diperoleh daripada Credit Guarantee Corporation (CGC) |
| **Tempoh Pembiayaan Maksimum** | Sehingga 7 tahun dari tarikh pengeluaran pertama (termasuk moratorium 6 bulan pada ansuran bulanan) |
| **Had Pembiayaan Maksimum** | • Sehingga RM700,000 bagi setiap PKS;<br>• Sehingga RM150,000 bagi setiap Perusahaan Mikro |
| **Ketersediaan** | Sehingga Penggunaan Sepenuhnya |

*Melainkan dinyatakan sebaliknya di sini, caj kami tidak termasuk sebarang cukai semasa dan cukai masa hadapan yang mungkin dikenakan (termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan (“GST”)), di bawah undang-undang yang berkaitan. Pada tarikh kuat kuasa pelaksanaan mana-mana cukai sedemikian pada masa hadapan dan di mana berkenaan, kami berhak mendapatkan semula cukai tersebut daripada anda.*

| Kemudahan Peralihan Karbon Rendah (LCTF) | |
|---|---|
| **Objektif** | Menggalakkan dan menyokong PKS beralih ke operasi rendah karbon dengan menerapkan amalan kelestarian bagi meningkatkan daya tahan perniagaan |
| **Peruntukan** | RM2 bilion<br>[Peruntukan RM1 bilion daripada Bank Negara Malaysia + RM1 bilion daripada institusi kewangan peserta (berdasarkan pembiayaan secara padanan)] |
| **Kelayakan** | • Mesti merupakan PKS mengikut definisi Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK)<br>• Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), pihak berkuasa/pejabat daerah di Sabah dan Sarawak atau badan berkanun sebagai penyedia perkhidmatan profesional<br>• Pegangan Saham oleh Syarikat Tersenarai Awam dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (jika ada) dalam PKS tidak melebihi 20%<br>• Warganegara Malaysia bermastautin di Malaysia dengan pegangan saham sekurang-kurangnya 51% di dalam dalam PKS tersebut |
| **Tujuan pembiayaan** | • Membiayai Perbelanjaan Modal (CAPEX) untuk pembelian dan pemasangan sistem solar sahaja<br><br>Pembiayaan tidak boleh digunakan untuk aktiviti berikut:<br>• Pembelian saham<br>• Pembiayaan semula kemudahan kredit/pembiayaan sedia ada<br>• Pembelian tanah bukan untuk tujuan agromakanan<br>• Pembangunan harta tanah<br>• Pelaburan oleh syarikat pemegang pelaburan<br>• Aktiviti di mana stok dagangan adalah wang (termasuk syarikat kredit, pemajakan, pemfaktoran dan insurans)<br>• Aktiviti perjudian, alkohol, tembakau atau jenis aktiviti dan produk lain yang serupa<br>• Aktiviti perniagaan tidak patuh Syariah (digunakan untuk Pembiayaan Islam sahaja) |
| **Kadar Pembiayaan Maksimum** | • Kadar pembiayaan berkesan sebanyak 5.0% setahun, termasuk yuran jaminan, jika ada<br>• Untuk pembiayaan Islam, kadar keuntungan bagi kontrak Islam adalah sehingga 5.0% setahun, termasuk yuran jaminan, jika ada |
| **Kadar Pembiayaan BNM** | 0% setahun |
| **Perlindungan Jaminan** | Perlindungan jaminan boleh didapati daripada Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) |
| **Jenis Pembiayaan** | Pinjaman Berjangka / Pembiayaan Berjangka sahaja |
| **Tempoh Pembiayaan Maksimum** | Sehingga 10 tahun dari tarikh pengeluaran pertama |
| **Had Pembiayaan Maksimum** | • RM10 juta bagi setiap PKS, termasuk pembiayaan kepada syarikat berkaitan yang mempunyai pemegang saham sama<br>• PKS berkaitan dengan pemegang saham sama dibenarkan mempunyai had berasingan ke atas jumlah pembiayaan maksimum di bawah Dana BNM untuk PKS, tertakluk kepada setiap PKS mempunyai tenaga kerja yang berasingan<br>• Jumlah pembiayaan agregat maksimum sebanyak RM5 juta bagi setiap PKS di bawah Dana BNM untuk PKS tidak boleh digunakan untuk Kemudahan ini |
| **Ketersediaan** | Sehingga Penggunaan Sepenuhnya |

*Melainkan dinyatakan sebaliknya di sini, caj kami tidak termasuk sebarang cukai semasa dan cukai masa hadapan yang mungkin dikenakan (termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan (“GST”)), di bawah undang-undang yang berkaitan. Pada tarikh kuat kuasa pelaksanaan mana-mana cukai sedemikian pada masa hadapan dan di mana berkenaan, kami berhak mendapatkan semula cukai tersebut daripada anda.*

| Kemudahan Perusahaan Mikro (MEF) | |
|---|---|
| **Objektif** | Meningkatkan akses perusahaan mikro kepada pembiayaan mikro tanpa cagaran pada kos yang berpatutan. |
| **Peruntukan** | RM700 juta |
| **Kelayakan** | • Perusahaan Mikro yang memenuhi definisi yang dikeluarkan oleh Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK)<br>• Warganegara Malaysia bermastautin di Malaysia dengan pegangan saham sekurang-kurangnya 51% di dalam dalam Perusahaan Mikro tersebut<br>• Usahawan mikro Malaysia termasuk individu yang bekerja sendiri, pekerja sambilan (*gig workers*) yang menggunakan platform digital[1] dan peserta program iTEKAD[2].<br><br>**Nota:** Pembiayaan ditawarkan di bawah Skim Pembiayaan Mikro, tanpa cagaran.<br><br>[1] Pekerja sambilan (*gig workers*) yang menggunakan platform digital seperti yang ditakrifkan oleh PENJANAGIG, iaitu individu yang terlibat dalam menjalankan tugas atau bekerja melalui platform penyedia perkhidmatan melalui aplikasi digital untuk mendapatkan pendapatan.<br>[2] Peserta program iTEKAD merujuk kepada usahawan mikro berpendapatan rendah yang layak, termasuk mereka yang terjejas oleh COVID-19, tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan oleh bank yang mengambil bahagian. |
| **Tujuan pembiayaan** | • Modal kerja; atau/dan<br>• Perbelanjaan modal<br><br>Pembiayaan tidak boleh digunakan untuk aktiviti berikut:<br>• Pembelian saham<br>• Pembiayaan semula kemudahan kredit/pembiayaan sedia ada<br>• Pembelian tanah bukan untuk tujuan agromakanan<br>• Pembangunan harta tanah<br>• Pelaburan oleh syarikat pemegang pelaburan<br>• Aktiviti di mana stok dagangan adalah wang (termasuk syarikat kredit, pemajakan, pemfaktoran dan insurans)<br>• Aktiviti perjudian, alkohol, tembakau atau jenis aktiviti dan produk lain yang serupa<br>• Aktiviti perniagaan tidak patuh Syariah (digunakan untuk Pembiayaan Islam sahaja) |
| **Kadar Pembiayaan Maksimum** | • Kadar pembiayaan yang dikenakan akan ditetapkan oleh institusi kewangan |
| **Kadar Pembiayaan BNM** | 0.25% setahun<br><br>*Nota: Sehingga 31 Disember 2024.* |
| **Perlindungan Jaminan** | • Perlindungan jaminan boleh didapati daripada Credit Guarantee Corporation (CGC) atau Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) |
| **Tempoh Pembiayaan Maksimum** | Sehingga 5 tahun |
| **Had Pembiayaan Maksimum** | • Sehingga RM50,000 setiap Perusahaan Mikro/Pekerja Sambilan bagi setiap institusi kewangan |

*Melainkan dinyatakan sebaliknya di sini, caj kami tidak termasuk sebarang cukai semasa dan cukai masa hadapan yang mungkin dikenakan (termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan ("GST")), di bawah undang-undang yang berkaitan. Pada tarikh kuat kuasa pelaksanaan mana-mana cukai sedemikian pada masa hadapan dan di mana berkenaan, kami berhak mendapatkan semula cukai tersebut daripada anda.*